

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :** **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA :** **YB DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN  
(KINABATANGAN)**  
**TARIKH :** **24 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam memastikan pengedaran dadah dalam negara dapat dibendung dan memastikan bilangan penagih turut dapat disifarkan. Apakah statistik pengedar dan penagih dadah yang telah diambil tindakan bagi tahun 2018 dan tahun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa komited dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di seluruh negara. Kejayaan demi kejayaan yang dicapai PDRM dalam menumpaskan sindiket pengedaran dadah membuktikan penguatkuasaan yang dilaksanakan kini adalah berjaya. PDRM bersama-sama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) juga sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha membendung trend pengedaran dan penyalahgunaan dadah yang kian mencabar melalui langkah-langkah seperti berikut :-

- 1) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan menjalankan siasatan bersama. Berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepada bersama agensi tempatan yang lain. Antaranya adalah kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKPK dan masyarakat melalui perkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisian Masyarakat (*Community Policing*). Melalui program ini, platform “One Stop Committee” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera
- 2) Memperkasakan penguatkuasaan, risikan dan pemeriksaan di kawasan sempadan negara melalui kerjasama antarabangsa dengan pihak berkuasa Thailand dengan penubuhan Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) di sempadan Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak;
- 3) Menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan di sempadan untuk mengimbas kenderaan yang disyaki digunakan untuk penyeludupan dadah dan bahan terlarang yang lain;
- 4) Mempertingkatkan kerjasama secara kolektif antara agensi dadah domestik di sempadan darat dan laut melalui inisiatif di bawah *Seaport Interdiction Task Force* (SITF) dan *Airport Interdiction Task Force* (AITF);
- 5) Memantau penggunaan media sosial bagi mencegah dan melumpuhkan sebarang bentuk kegiatan jual beli dadah secara dalam talian;
- 6) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

- 7) Menjalankan Operasi *Damn Tokan*, Operasi *Ice Breaker*, Operasi Sarang dan Operasi *Club Rex* selepas mengenal pasti sarang-sarang penagih dan juga pengedar-pengedar dadah bagi membanteras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah;
- 8) Memperkasakan program-program pemulihan dadah di bawah AADK melalui pelan rawatan dan pemulihan yang komprehensif dan terkini serta menjadi rakan kepada Rehabilitasi;
- 9) Memperkasakan jalinan kerjasama dengan rakan strategik di bawah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) melalui penyediaan dana yang mencukupi oleh Kerajaan dalam menyokong usaha bersama memerangi gejala penyalahgunaan dadah;
- 10) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat terutamanya di luar bandar bagi memberi pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya dadah;
- 11) Mengambil tindakan perlucutahan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutahan Harta) 1988 ke atas pengedar-pengedar dadah yang ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

Berdasarkan statistik tahun 2018 dan 2019 oleh PDRM, kes penyalahgunaan dadah secara keseluruhan adalah sebanyak 133,430 kes dengan jumlah tangkapan sebanyak 138,141 orang. Pecahan mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

- 1) Bagi tahun 2018, jumlah kes dan tangkapan adalah masing-masing 75,946 kes dan 76,850 orang; dan

**SOALAN : 28**

- 2) Bagi tahun 2019 (sehingga Ogos) jumlah kes dan tangkapan masing-masing adalah sebanyak 57,484 kes dan 61,291 orang.

Kesemua tangkapan bagi kes dadah ini telah pun diambil tindakan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya.